



## **Warga UMS bersedih pemergian mendiang Henry: Naib Canselor**

**NST 25.10.2016 2**

KOTA KINABALU: Seluruh warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedih atas pemergian mantan Ahli Lembaga Pengarah UMS yang juga tokoh tersohor pasukan keselamatan negara, Tan Sri (Dr.) Henry Chin Poy Wu (gambar).

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, pemergian mendiang Tan Sri Henry bukan sahaja merupakan satu kehilangan besar kepada negara dan negeri Sabah, malah sangat dirasai oleh seluruh warga UMS apatah lagi mendiang merupakan Ahli Lembaga Pengarah yang paling lama di universiti itu.

“Sepanjang mendiang bersama UMS, pelbagai jasa bakti telah diberikan kepada universiti terutama dalam memberi idea dan perkongsian pengalaman khususnya dalam sama-sama menetapkan hala tuju UMS.

“Saya bagi pihak UMS, dengan penuh dukacita mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mendiang dan berharap agar mereka tabah dalam menghadapi saat-saat sukar ini,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Henry, 79, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di Kuala Lumpur pada pukul 6.04 pagi semalam (Ahad) akibat strok.

Mendiang, yang meninggalkan isteri Puan Sri Shirley Cheng Hua Chien, 72, serta sepasang anak lelaki dan perempuan, berkhidmat dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) lebih 38 tahun sebelum bersara pada 1993.

Untuk rekod, mendiang terlibat dalam pelbagai peristiwa bersejarah seperti berkhidmat sebagai Sekretariat Suruhanjaya Cobbolt dan Jawatankuasa antara Kerajaan pada tahun 1962, mempertahankan negara semasa insiden Kalabakan sewaktu era Konfrontasi, terlibat dalam insiden tembak menembak menentang Unit bersenjata Komunis di Kampar Perak (1980) dan memainkan peranan penting ketika rundingan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Komunis Kalimantan Utara pada tahun 1990.

Beliau turut dilantik sebagai Pesuruh Jaya Polis Kuala Lumpur pada 22 Jun 1990 sehingga 12 Ogos 1993.

Selepas bersara, mendiang meneruskan perkhidmatan kepada negara sebagai pengurus pelbagai syarikat, badan pendidikan dan persatuan sukan.

Henry dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMS dari tahun 2001 sehingga 2015.

Atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada UMS,

mendiang juga telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor

Falsafah dalam bidang Sosiologi, pada majlis Konvokesyen

UMS ke-17 pada tahun lalu.